

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 JANUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2

Kurang faham kepentingan PADU

Kurang faham kepentingan PADU

Punca ramai penduduk luar bandar masih belum daftar

KOTA TINGGI

Kurang memahami fungsi Pangkalan Data Utama (PADU) yang dibangunkan oleh kerajaan menyebabkan ramai penduduk khususnya di luar bandar masih belum mendaftar sistem berkenaan.

Nelayan, Mohd Jaafar Abdul Hamid, 65, berkata, kekeliruan maklumat tentang PADU yang dihebahkan secara umum dan mudah diterima seperti televisyen menyebabkan dia masih belum jelas mengenai kepentingannya.

"Semalam saya baru tahu tentang PADU selepas tonton televisyen. Tetapi saya masih belum faham mengenai kepentingannya kepada rakyat yang mendaftar melalui sistem berkenaan.

"Mungkin jika lebih banyak maklumat yang dihebahkan tentang PADU ini, tidak akan berlaku kekeliruan. Tambahan untuk mendapatkan maklumat melalui media sosial di luar bandar terbelat dengan masalah capaian internet," katanya.

Mekank, Syukri Samsan, 37, pula berkata, dia hanya mengetahui PADU merupakan sistem yang memuatkan data maklumat rakyat namun masih kurang jelas mengenai kepentingan

dan cara-cara untuk mendaftar PADU," katanya.

Sun rumah, Junaidah Aspar, 64, pula berkata, capaian internet yang bermasalah di luar bandar menyebabkan dia masih belum mendaftar PADU.

Selain itu, jelasnya dia lebih selesa mendaftar secara bersemuka dan diberikan penerangan tentang kepentingan PADU.

"Apabila ada sesi penerangan bersemuka ini, lebih mudah lahern terutama bagi golongan warga emas," katanya ketika ditemui.

Sehingga 7 Januari 2024, jumlah individu yang telah berjaya mendaftar PADU ialah seramai 767,005 orang.

INFO PADU

- PADU mengandungi profil individu dan jumlah meliputi warganegara dan pemeluk Islam berumur 18 tahun ke atas di Malaysia.
- Maklumat profil ini akan diaman kan secara bertulis melalui pengiraan data peribadi dan diperolehi sebagai sumber.
- Melalui sistem ini, rakyat boleh membuat simpanan dan pengemaskinian maklumat secara terus dalam sistem PADU.
- PADU dilancarkan dan dibuka pendaftaran bermula 2 Januari lalu.
- Tempoh pendaftaran dibuka sehingga 31 Mac 2024.
- Seramai 1 juta 767,005 orang telah mendaftar.

DIKALIF PADU

1. Penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan hampir waktu nyata atau 'near real time' bagi penghasilan statistik berkaedah digitalisasi terpadu ketekanan.
2. Penggubalan dasar dan proses membuat keputusan berpacu dan data.
3. Mengembangkan ketiduklakan pejabat, menerusi pelaksanaan dasar secara berkesan.

MALAMAL PADU

1. Meningkatkan kecukupan sistem penyediaan perkhidmatan kerajaan.
2. Melaksanakan pengukuhan dalam penggunaan sumber yang terhad.
3. Melaksanakan pemerkasaan sistem sosial melalui peringkasan keajaheasaan ekonomi dan rakyat.
4. Mengapatkan jurang sosioekonomi dengan memenuhi keperluan rakyat serta mengimbangi pembangunan.

Ambil sikap 'tunggu dan lihat' terlebih dahulu sebelum daftar

HULU LANGAT - Masih ramai dalam kalangan masyarakat belum memahami sepenuhnya fungsi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) yang diperkenalkan kerajaan.

Tinjauan Sinar Harian di kawasan pinggir bandar mendapati, ramai yang masih belum mendaftar kerana ingin mengetahui lebih lanjut fungsi dan kebaikannya.

Walaupun tujuan kerajaan melaksanakan PADU untuk kebaikan rakyat, namun masih wujud persepsi negatif terhadap sistem yang menjadi perhatian banyak pihak itu.

Penduduk di Taman Pinggiran Delima di sini, Norizan Musa, 53, berkata, dia masih belum memahami dengan jelas mengenai kepentingan PADU kepada rakyat yang mendaftar sistem itu.

"Biasanya anak yang membantu keluar daftar secara dalam talian. Setelah ini, mereka juga belum faham kepentingan PADU. Mungkin sistem masih baru, sebab itu saya belum daftar," kata ibu empat anak itu.

Berbeza pula dengan pesara, Mohd Zam Al Amin Kamaruddin, 57, yang mengetahui kepentingan golongan pesara seperti ini untuk mendaftar dalam sistem berkenaan.

"Bimbang juga sekiranya tidak mendaftar, ada bantuan lain yang tidak diterima pada masa depan kerana saya sudah bersara," katanya.

Pekerja swasta, Rosli Abdul Razak, 61, berkata, dia akan mendapatkan penerangan lanjut mengenai PADU supaya dapat mendaftar sebelum tarikh tutup pendaftaran, 31 Mac tahun ini.

"Masa masih panjang dan saya akan dapatkan maklumat lebih jelas mengenai PADU sebelum membuat pendaftaran. Takah pendaftaran ditutup pada Mac depan, lambat lagi," katanya.

Sering lagi pekerja swasta, Trisha, 30, berkata, dia pula mengambil keputus-

an untuk 'tunggu dan lihat' kerana masih mahu mengetahui lebih lanjut mengenai kebalikan dan keburukan sistem itu.

"Saya belum daftar, dan mahu tunggu lebih informasi tentang PADU dan data privasi dahulu," kata pekerja swasta itu.

Sementara itu, Syarifah Aqilah, 25, berkata, dia tidak membuat pendaftaran kerana tidak yakin selepas pelbagai pertikaian wujud mengenai kegagalan sistem berkenaan beroperasi.

"Saya belum mendaftar kerana tidak yakin dengan sistem ini, di media sosial ramai yang mendakwa sistem ini gagal jadi saya belum mahu mengambil sebarang risiko," katanya.

MOHD JAAFAR **SYUKRI**

"Saya cuma tahu PADU berkaitan dengan data tetapi tidak berapa faham tentang cara-cara mengisi data dalam sistem tersebut.

"Pada saya mungkin perlu diperhebahkan lagi hebahkan mengenai ke-

HORIZAN **MOHD ZAIM** **ROSLI** **TRISHA**

"Bimbang juga sekiranya tidak mendaftar, ada bantuan lain yang tidak diterima pada masa depan kerana saya sudah bersara," katanya.

Pekerja swasta, Rosli Abdul Razak, 61, berkata, dia akan mendapatkan penerangan lanjut mengenai PADU supaya dapat mendaftar sebelum tarikh tutup pendaftaran, 31 Mac tahun ini.

"Masa masih panjang dan saya akan dapatkan maklumat lebih jelas mengenai PADU sebelum membuat pendaftaran. Takah pendaftaran ditutup pada Mac depan, lambat lagi," katanya.

Sering lagi pekerja swasta, Trisha, 30, berkata, dia pula mengambil keputus-

an untuk 'tunggu dan lihat' kerana masih mahu mengetahui lebih lanjut mengenai kebalikan dan keburukan sistem itu.

"Saya belum daftar, dan mahu tunggu lebih informasi tentang PADU dan data privasi dahulu," kata pekerja swasta itu.

Sementara itu, Syarifah Aqilah, 25, berkata, dia tidak membuat pendaftaran kerana tidak yakin selepas pelbagai pertikaian wujud mengenai kegagalan sistem berkenaan beroperasi.

"Saya belum mendaftar kerana tidak yakin dengan sistem ini, di media sosial ramai yang mendakwa sistem ini gagal jadi saya belum mahu mengambil sebarang risiko," katanya.